# SYARAT-SYARAT CUTI BELAJAR PROGRAM PERKHIDMATAN FARMASI
# KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

<table>
<tr><th rowspan="2">JENIS CUTI BELAJAR</th><th colspan="5">KRITERIA & SYARAT PROGRAM FARMASI</th></tr>
<tr><th>1. Tempoh Perkhidmatan</th><th>2. Pegawai yang sedang dalam pengajian CBBP tanpa HLP</th><th colspan="2">3. Tempat Pengajian</th><th>4. Kriteria Untuk Pertimbangan Pelanjutan Cuti Belajar</th></tr>
<tr><td>CBBP & HLP</td><td rowspan="3">Cuti Belajar hanya terbuka untuk Pegawai Farmasi Lantikan Tetap sahaja<br><br><u>Sarjana:</u><br><br>GENAP 5 tahun dari tarikh lantikan sehingga tarikh tutup permohonan<br><br><u>Ph.D:</u><br><br>GENAP 8 tahun dari tarikh lantikan sehingga tarikh tutup permohonan</td><td>-</td><td>IPTA sahaja (dalam negara)<br><br>IPT (luar negara)</td><td rowspan="3">Bagi kursus berkaitan dengan Farmasi Klinikal & Pharmacy Practice hanya IPT yang menawarkan Ijazah Pertama yang diiktiraf oleh LFM layak dipertimbangkan</td><td rowspan="3">Sarjana:<ul><li>Mod coursework : Tidak dibenarkan</li><li>Mod penyelidikan: Maksimum 3 bulan</li></ul>Ph.D:<br>Maksimum 6 bulan<br><br>*tertakluk kepada kelulusan Ketua Program</td></tr>
<tr><td>CBBP TANPA HLP</td><td rowspan="2">LAYAK untuk memohon HLP (permohonan melalui iklan Tawaran A sahaja)</td><td rowspan="2">IPTA/IPTS (dalam negara)<br><br>IPT (luar negara)</td></tr>
<tr><td>CBTG</td></tr>
</table>

**Tarikh Kemaskini: 28 Ogos 2023**

<table>
<tr><th rowspan="2">JENIS CUTI BELAJAR</th><th colspan="2">KRITERIA & SYARAT PROGRAM FARMASI</th></tr>
<tr><th>5. Jenis kursus bagi permohonan Cuti Belajar</th><th>6. Dokumen sokongan yang perlu dikemukakan</th></tr>
<tr><td>CBBP & HLP</td><td rowspan="3">• Hanya kursus yang tersenarai yang telah ditetapkan oleh Program Perkhidmatan Farmasi sahaja layak dipertimbangkan.<br><br>• Pegawai yang memohon mengikuti pengajian di peringkat Ph.D perlu memiliki kelayakan sarjana dalam bidang yang berkaitan dengan Farmasi atau bidang tugas Farmasi. (contoh: Master in Business Administration (MBA) tidak layak)<br><br>• Bidang yang dipohon adalah berkaitan dan bersesuaian dengan tugas serta penempatan atau pengalaman bekerja pegawai.</td><td rowspan="3">Permohonan perlu disertakan dengan dokumen berikut:<br><br>i. Pelan Tindakan Selepas Tamat Pengajian (PTSTP)<br>ii. Surat Aku Janji Cuti Belajar Program Perkhidmatan Farmasi yang telah ditandatangani<br>iii. Syarat kemasukan ke universiti yang dipohon<br>iv. Salinan transkrip Ijazah Sarjana Muda / Sarjana (keputusan transkrip setiap semester)<br>v. Bagi kursus dengan Mod Kerja Kursus (Coursework):<br>a) Rangka kursus; dan<br>b) Kertas cadangan penyelidikan (berkaitan dengan bidang Farmasi)<br>vi. Bagi kursus dengan Mod Penyelidikan dan Mixed-mode:<br>a) Surat persetujuan daripada penyelia IPT bagi cadangan topik penyelidikan; dan<br>b) Kertas cadangan penyelidikan (berkaitan dengan bidang Farmasi)<br>vii. Curriculum vitae<br>viii. Surat tawaran universiti (sekiranya ada)<br>ix. Surat tawaran biasiswa asing / tajaan luar (selain HLP) sekiranya ada</td></tr>
<tr><td>CBBP TANPA HLP</td></tr>
<tr><td>CBTG</td></tr>
</table>

| **JENIS CUTI BELAJAR** | **KRITERIA & SYARAT PROGRAM FARMASI** | | |
|---|---|---|---|
| | **7. Penangguhan Sebelum atau Semasa Tempoh Cuti Belajar** | **8. Pertukaran kursus** | **9. Rayuan Pelanjutan Pengajian Selepas Pelanjutan Diluluskan Kali Pertama** |
| **CBBP & HLP** | Penangguhan adalah **TIDAK DIBENARKAN** | **TIDAK DIBENARKAN** | **TIDAK DIBENARKAN** |
| **CBBP TANPA HLP** | | | |
| **CBTG** | | | |

**Arahan:**

1. Calon-calon adalah diingatkan supaya mematuhi peraturan dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh JPA dan Program Perkhidmatan Farmasi (Syarat-Syarat JPA adalah seperti di lampiran)
2. Kesilapan mengisi borang permohonan dan borang permohonan yang tidak lengkap akan mengakibatkan permohonan cuti belajar ditolak.
3. Pegawai yang dipertimbangkan untuk memohon cuti belajar perlu mengambil kira kepentingan perkhidmatan di fasiliti masing-masing dan hala tuju Program Perkhidmatan Farmasi.
4. Permohonan cuti belajar yang diperakukan oleh Ketua Jabatan perlu menepati semua syarat-syarat di atas yang melayakkan pegawai memohon cuti belajar.
5. Permohonan Cuti Kursus Sambilan (CKS) perlu dimaklumkan kepada Program Perkhidmatan Farmasi (salinan kelulusan CKS oleh Ketua Jabatan perlu dikemukakan kepada Program Perkhidmatan Farmasi).

**Tarikh Kemaskini: 28 Ogos 2023**